

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	STI 2020-2030 Masterplan to be ready June 2018 – Madius	BERNAMA
2.	STI 2020-2030 Masterplan to be ready June 2018 – Madius	Borneo Post Online
3.	Komponen untuk hadapi industri 4.0	Utusan Malaysia
4.	Continuos heavy rain during Northeast Monsoon Season can cause floods	BERNAMA
5.	Monsun Timur Laut: Lima episod hujan lebat punca banjir dijangka berlaku	BERNAMA
6.	Hujan dijangka sehingga awal Disember, P.Pinang mungkin banjir lagi	BERNAMA
7.	Aplikasi teknologi PKS dipertingkat	Utusan Malaysia
8.	Cooking oil factory caught not packing 1kg polybags	The Star
9.	Pasangan kekasih di penjara, denda RM120,000 kerana rasuah	BERNAMA
10.	'Izin saya jumpa anak'	Harian Metro
11.	Peluang saksikan bulan penuh	KOSMO



STI 2020-2030 Masterplan To Be Ready June 2018 – Madius



KUALA LUMPUR, Nov 10 (Bernama) -- **The National Science, Technology and Innovation (STI)** Masterplan 2020-2030 is expected to be completed by June 2018, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said a group of experienced STI fellows from the Academy of Sciences Malaysia (ASM) will be involved in the process which begins in January next year.

"We will be looking at over 80 policies as we develop the STI masterplan," he said in a press conference held after launching the one-day Mega Sains 3.0 National Forum here today. Also present was ASM President Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

According to Madius, the masterplan would be a guide for a new direction for the STI sector in the country for the mid-term and long-term periods.

Among others, it would ensure that the STI ecosystem took into consideration the workforce and resources of the country, he said.

In his speech, Madius said the ministry was planning to declare Nov 10 each year the National Science Day, beginning next year.

He said since 2001, the World Science Day has been celebrated every Nov 10 as announced by the United Nations United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

-- BERNAMA

STI masterplan ready by June 2018 — Madius



Madius (third left) takes a closer look at the brain computer interface (BCI) wheelchair for patients with severe motor disabilities during Mega Science 3.0 National Forum and Exhibiton at Matrade. Also present is president of Academy of Science Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali (fourth left). — Bernama photo

KUALA LUMPUR: **The National Science, Technology and Innovation (STI)** Masterplan 2020-2030 is expected to be completed by June 2018, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said a group of experienced STI fellows from the Academy of Sciences Malaysia (ASM) will be involved in the process which begins in January next year.

“We will be looking at over 80 policies as we develop the STI masterplan,” he said in a press conference held after launching the one-day Mega Sains 3.0 National Forum here yesterday.

Also present was ASM President Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

According to Madius, the masterplan would be a guide for a new direction for the STI sector in the country for the mid-term and long-term periods.

Among others, it would ensure that the STI ecosystem took into consideration the workforce and resources of the country, he said.

In his speech, Madius said the ministry was planning to declare Nov 10 each year the National Science Day, beginning next year.

He said since 2001, the World Science Day has been celebrated every Nov 10 as announced by the United Nations United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO). — Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Komponen untuk hadapi Industri 4.0

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Malaysia memiliki komponen tenaga mahir, infrastruktur, sistem pembiayaan dan sumber asli yang mencukupi untuk bersama negara gergasi dunia lain dalam menempuhi gelombang Revolusi Perindustrian Keempat atau Industri 4.0.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, Industri 4.0 akan merevolusikan cara hidup, kerja dan interaksi antara satu sama lain dengan peningkatan hubungan antara perkhidmatan dan barangan menerusi internet.

"Kunci bagi menempuhi revolusi itu adalah mengguna pakai strategi perkembangan pengetahuan intensif berasaskan sains,

teknologi dan inovasi (STI) bagi memacu ekonomi negara ke tahap seterusnya mencapai sasaran Malaysia 2050.

"Walaupun internet membolehkan orang ramai berhubung dan bekerjasama, kita tidak boleh berhenti dengan hanya membangunkan infrastruktur. Sebaliknya, pengetahuan, kreativiti, kemahiran, rangkaian dan nilai adalah penting untuk berinovasi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Forum dan Pameran Kebangsaan Mega Science 3.0 anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) dalam mengenal



MADIUS TANGAU

pasti trend baharu yang akan menghasilkan nilai kepada ekonomi, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Setiausaha Agung (Sains) Kementerian, Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul; Presiden ASM, Tan Sri Dr. Tajuddin Ali dan Pengarah Projek Mega Science 3.0, Professor Datuk Dr. Mazlan Othman.

Projek forum dan pameran itu merupakan salah satu inisiatif dalam mempromosi dan melahirkan ekosistem dengan ciri-ciri harmoni, makmur dan mampan dalam sektor STI untuk melakar masa depan negara ke arah tahun 2050.



Continuous Heavy Rain During Northeast Monsoon Season Can Cause Floods

KUALA LUMPUR, Nov 10 (Bernama) -- The country is expected to experience four to five episodes of continuous heavy rain over three to five days following the Northeast Monsoon season which begins today (Nov 10) and ends in March 2017.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said during the period the state will receive Northeast winds steadily and at times rife.

He said continuous heavy rain could cause flooding in the states on the east coast of the Peninsular and west Sarawak.

"However, other states can still receive monsoon rains while floods might occur," he said in a statement here, today.

In this regard, Madius advised the people to be vigilant and prepared to face the Northeast Monsoon season.

People are advised to get the latest information on weather updates via the Meteorological Department's website www.met.gov.my, mobile applications; myCuaca, Facebook; malaysiamet, Twitter; @malaysianmet, or MetMalaysia Hotline at 1-300-22-1638, he said.

-- BERNAMA



Monsun Timur Laut: Lima Episod Hujan Lebat Punca Banjir Dijangka Berlaku

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Negara dijangka mengalami empat hingga lima episod hujan lebat menyeluruh selama tiga hingga lima hari berikutan musim Monsun Timur Laut, yang bermula hari ini (10 Nov) dan berakhir Mac tahun depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata sepanjang tempoh itu, negara akan menerima tiupan angin Timur Laut secara berterusan dan ada kalanya bertiup kencang.

Beliau berjaya hujan lebat berterusan itu boleh menyebabkan banjir di negeri-negeri di pantai timur Semenanjung dan barat Sarawak.

"Bagaimanapun, negeri-negeri lain masih boleh menerima hujan monsun dan berkemungkinan berlaku banjir," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Madius menasihati orang ramai supaya lebih berwaspada dan bersedia menghadapi musim Monsun Timur Laut ini.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkaitan cuaca melalui laman web Jabatan Meteorologi di www.met.gov.my, aplikasi mobil; myCuaca, Facebook; [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), Twitter; [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet), atau MetMalaysia Hotline di talian 1-300-22-1638, katanya.

-- BERNAMA



Hujan Dijangka Sehingga Awal Disember, P.Pinang Mungkin Banjir Lagi

GEORGE TOWN, 10 Nov (Bernama) -- Pulau Pinang diramal mengalami hujan yang berlarutan sehingga Disember ini, yang berkemungkinan boleh menyebabkan banjir kilat di kawasan rendah.

Jurucakap **Jabatan Meteorologi** Pulau Pinang berkata hujan pada bulan November dan awal Disember diramal lebih kerap berlaku pada waktu petang, dan tiada hujan di sebelah pagi.

"Memandangkan bulan November hingga awal Disember ini Pulau Pinang diramal masih hujan, kemungkinan untuk berlaku banjir itu ada tapi tidak sekerap yang berlaku pada bulan September dan Oktober lepas," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata hujan akan berkurangan selepas memasuki pertengahan Disember hingga Februari depan.

Mengikut laman web rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia (metmalaysia), hujan diramal di satu dua tempat pada waktu petang dan malam bagi tempoh tujuh hari akan datang bermula hari ini hingga Rabu depan (16 Nov).

Ribut petir pula diramal pada petang Isnin ini (14 Nov).

Isnin lepas (7 Nov), hujan yang berterusan di Pulau Pinang sejak tengah malam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini, antaranya Jalan P.Ramlee dan Bandar Baru Air Itam serta kejadian tanah runtuh di jalan utama menghubungkan Teluk Bahang dan George Town.

Seminggu sebelum itu, Pulau Pinang dilanda banjir kilat pada sambutan Deepavali (29 Okt) menyebabkan ratusan rumah di sekitar bandar raya ini dinaiki air.

Cuaca di bahagian pulau pada semalam sehingga petang ini adalah baik.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 18 TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)



PEGAWAI-PEGAWAI SIRIM melakukan audit teknologi di sebuah firma PKS tempatan di bawah program SIRIM-Fraunhofer bagi membolehkan PKS memahami kekuatan dan kelemahan mereka dalam usaha meningkatkan produktiviti serta mewujudkan pelan tindakan.



SIMBIONTEA, teknologi memproses bahan organik yang boleh diaplikasi dalam industri pemprosesan makanan.

Aplikasi teknologi PKS dipertingkatkan

■ KUALA LUMPUR 10 NOV.

SIRIM Bhd. (SIRIM) akan meneruskan tumpuan kepada inisiatif kerajaan di bawah program peningkatan produktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui aplikasi teknologi pada tahun hadapan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd Yusoff berkata, intervensi teknologi telah mula dilaksanakan ke atas PKS yang dikenali pasti, setelah menjalani audit teknologi SIRIM.

"PKS yang mengikuti Audit Teknologi SIRIM akan dinilai dari segi enam komponen iaitu kecekapan operasi, trend pengurusan bagi proses dan kaedah, pengurusan teknologi, organisasi dan jaringan, pengurusan kakitangan dan strategi teknologi," katanya.

SIRIM sehingga ini telah melaksanakan audit teknologi ke atas 280 buah syarikat tempatan di bawah program peningkatan teknologi SIRIM-Fraunhofer yang dimulakan pada 2015.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 130 buah syarikat telah menjalani audit teknologi pada tahun ini, manakala 150 buah syarikat pada 2015," kata Dr. Zainal Abidin.

Peranan dari segi aktiviti komersial dipertanggungjawabkan kepada anak-anak syarikat yang perlu menajana pendapatan sendiri, manakala peranan SIRIM untuk kerajaan dipertanggungjawabkan kepada unit perniagaan strategik yang meliputi aktiviti pembangunan dan penyelidikan."

DATUK DR. ZAINAL ABDIN MOHD YUSOFF
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM

Menurut Dr. Zainal Abidin, lima sektor utama PKS yang diaudit adalah Makanan dan Minuman, Sokongan Kejuruteraan, Produk Penggunaan, Elektrikal dan Elektronik dan Pemesinan dan Kejuruteraan.

Menurutnya, sekiranya syarikat yang telah diaudit memerlukan modal kerja atau pelaburan dalam aplikasi teknologi, SIRIM akan

memberi sokongan kepada PKS berkenaan untuk memohon dana skim pinjaman SME Bank khusus untuk peserta Audit Teknologi.

Dalam pada itu, Dr. Zainal Abidin berkata, SIRIM kini memasuki tahun keempat pelaksanaan Pelan Transformasi Strategik Lima Tahun yang bermula sejak 2013, bertujuan mengukuhkan kedudukan institusi teknologi perindustrian dan kualiti.

"Pelan ini khusus kepada pengkaji hasil pengkomersialan teknologi SIRIM untuk memenuhi keperluan industri, di samping menjalankan perannya dalam menyokong usaha kerajaan untuk pembangunan negara. Pelan ini juga adalah untuk mewujudkan persempadanan antara peranan komersial dan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, peranan dari segi aktiviti komersial dipertanggungjawabkan kepada anak-anak syarikat yang perlu menajana pendapatan sendiri, manakala peranan SIRIM untuk kerajaan dipertanggungjawabkan kepada unit

perniagaan strategik yang meliputi aktiviti pembangunan dan penyelidikan.

Penstrukturan semula SIRIM pada awal tahun ini menekankan konsep unit perniagaan strategik melalui Penyelidikan Perindustrian SIRIM dan Pusat Reka Bentuk Pembangunan dan Keselamatan, serta aktiviti komersial menerusi enam anak syarikat iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd., SIRIM STS Sdn. Bhd., National Precision Tooling Sdn. Bhd., SIRIM Standards Technology Sdn. Bhd., SIRIM Tech Venture Sdn. Bhd. dan SIRIM Measurements Technology Sdn. Bhd.

Bagi peranan dalam pembangunan sektor kerajaan pula, SIRIM juga meneruskan sokongan terhadap inisiatif kerajaan dalam melaksanakan program peningkatan produktiviti dan inovasi PKS di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta program pembangunan penyelidikan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kata Dr. Zainal Abidin.



Teknologi SIRIM sedia dikomersialkan sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016

SimBionTeA

- Teknologi memproses bahan organik yang boleh diaplikasi dalam industri pemprosesan makanan.

Asbestos-Free Brake Pad

- Pad brek mesra alam yang bebas daripada asbestos dengan ciri-ciri yang sangat baik dan proses yang berkesan.

Bio-Natural Gas - Scrubber Technology

- Teknologi Skrab yang mampu mengeluarkan H₂S dari POME yang mempunyai kandungan H₂S yang tinggi.

Chitosan-based Deep Wound Management Gel

- Gel rawatan luka yang mengandungi anti mikroba dan anti oksidan yang dapat meresap ke dalam rongga luka dan meningkatkan proses penyembuhan luka.

Nano Lipid Carrier Serum

- Serum anti penuaan yang dihasilkan menggunakan ekstrak halia.

Biodegradable Sachet Slow Release Fertiliser

- Teknologi SIRIM dalam pengeluaran PHA bahan plastik dimanfaatkan untuk penghasilan produk ini.

Composite Pressurise Tank for hybrid-fuel motorcycle: LPG and BioNG

- Gas asli dalam bentuk tangki dengan ukuran berat dalam lingkungan empat hingga 12 kg yang dihasilkan menggunakan teknologi penggulungan filamen SIRIM.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Cooking oil factory caught not packing 1kg polybags

By **MOHD FARHAAN SHAH**
and **MANJIT KAUR**
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: The owners of a factory in Pasir Gudang have been caught red-handed for not packaging cooking oil in the 1kg polybags that are still subsidised by the Government at RM2.50.

The offence came to light after enforcement officers from the Johor Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism Ministry found that the factory failed to deliver the polybags to retail outlets.

Instead, the factory had been focusing on packaging the oil into only 2kg and 5kg bottles, which were no longer subsidised.

Johor price control and anti-profiteering enforcement chief Muhamad Aizudin Mohd Said said every company has been allocated 116 metric tonnes of cooking oil every month for the subsidised polybags.

"Our investigation showed there was no issue on the side of the processing factories.

"However, we found that the issue lies with the packaging side," he told reporters.

The factory was issued a 24-hour notice for failing to package the polybags.

"If they still fail to adhere to the notice, we will investigate them under the Price Control and Anti Profiteering Act 2010, he said.


In IPOH, 100 recycled containers, believed to be used to pack cooking oil, were seized by the ministry's officers. It is an offence to pack cooking oil in recycled containers.

State enforcement chief Mojtabahidin Isa said the 17kg containers, seized from a re-packer at Jalan Lahat in Ipoh, would be sent to the **Chemistry Department** for analysis. A total of 1,700kg oil was also seized.

"We will need to check whether the oil in the containers is indeed coconut oil, as claimed by the re-packer, or cooking oil.

"It will take between two and three weeks for the results to be known," he told reporters after a check on hoarding.

The re-packer is believed to have committed a similar offence before.



Ill-gotten gains: Mojtabahidin (centre) along with his officers checking the cooking oil at a repacking factory in Jalan Lahat, Ipoh.



Pasangan Kekasih Dipenjara, Denda RM120,000 Kerana Rasuah

SHAH ALAM, 10 Nov (Bernama) -- Sepasang kekasih masing-masing dijatuhi hukuman penjara setahun dan enam bulan serta denda berjumlah RM120,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas lima pertuduhan meminta dan menerima suapan dengan menyamar sebagai anggota polis.

Hakim Asmadi Hussin menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh Norzamini Roslan, 26, dan Mohamad Emirul Rajap, 31, mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan.

Asmadi menjatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM95,000 terhadap Norzamini yang menghadapi satu pertuduhan meminta suapan RM14,000 dan dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM5,000.

Jika gagal membayar denda, wanita itu boleh dipenjarakan 15 bulan lagi.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan denda RM25,000 terhadap Mohamad Emirul yang menghadapi dua pertuduhan menerima suapan RM4,000.

Jika gagal membayar denda, tertuduh boleh dipenjarakan enam bulan lagi.

Norzamini didakwa meminta suapan RM14,000 daripada Noraznen Azit sebagai dorongan tertuduh yang kononnya seorang anggota dari Jabatan Narkotik Petaling Jaya untuk menurunkan jumlah berat ganja yang telah dihantar ke **Jabatan Kimia** Malaysia dan menukarkan Seksyen kesalahan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Norzamini juga didakwa menerima suapan RM2,000 dan RM3,000 daripada wanita sama yang dimasukkan ke dalam akaun bank milik seorang individu sebagai dorongan untuk melakukan perkara yang serupa.

Mohamad Emirul pula didakwa menerima suapan RM1,000 dan RM3,000 daripada Noraznen yang dimasukkan ke dalam akaun bank milik individu yang sama sebagai dorongan untuk melakukan perbuatan yang serupa.

Kesemua kesalahan tersebut dilakukan di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang

pada 31 Okt dan 1 Nov lepas.

Pasangan itu dihukum mengikut Seksyen 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dari SPRM, Mohd Asnawi Abu Hanipah dan Mohammed Heikal Ismail, sementara kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)



NORZAMINI (kanan) dan Mohammad Emirul dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

'Izin saya jumpa anak'

■ Ibu tunggal, kekasih menyamar anggota polis narkotik dipenjara setahun, enam bulan

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

"Kalau saya dipenjarakan, saya mohon diberi peluang dan diizinkan menemui anak lelaki terlebih dulu. Saya menyesal dan perbuatan itu dilakukan tanpa sedar," rintih Norzamini Roslan, 26, yang menangis teresak esak di kandang mahkamah ketika merayu pengurangan hukuman.

Semalam, ibu tunggal itu dan kekasihnya, Mohamad Emirul Rajap, 31, masing-masing dijatuhi hukuman penjara setahun dan enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah atas lima pertuduhan menerima rasuah dengan menyamar sebagai anggota polis narkotik.

Hakim Asmadi Hussin memutuskan demikian selepas pasangan itu mengaku bersalah atas pertuduhan berasingan yang dibiarkan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan awal, Norzamini didakwa meminta wang RM14,000 daripada seorang wanita dengan menyamar sebagai anggota polis Jabatan Narkotik Petaling Jaya bagi memperuntukkan jumlah berat ganja yang dihantar ke Jabatan Kimia dan menukar-

kan seksyen kesalahan dadah di sekitar Tanjung Karang, Kuala Selangor, jam 10.30 malam, 31 Oktober lalu.

Bagi dua pertuduhan berikutnya, ibu tunggal itu secara rasuah menerima RM2,000 dan RM3,000 yang dimasukkan ke dalam satu akaun bank untuk tujuan sama di dua bank berasingan di sekitar Petaling Jaya, jam 8.08 malam dan 9.14 malam, 1 November lalu.

Manakala Mohamad Emirul pula didakwa turut menerima rasuah RM1,000 dan RM3,000 menerusi akaun bank sama di dua bank berasingan di Sungai Buloh dan Petaling Jaya, masing-masing pada jam 2 pagi dan 12 tengah hari tarikh sama.

Justeru, kedua-dua tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mohd Asnawi Abu Hanipah dan Moham-

med Heikal Ismail mana kala pasangan itu tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Norzamini dalam rayuannya berkata, dia yang berpisah dengan bekas suami sejak beberapa tahun lalu memohon kebenaran untuk menemui anak lelakinya berusia enam tahun jika dipenjarakan.

Manakala Mohamad Emirul yang juga bekas posmen dan masih bujang merayu pengurangan hukuman kerana menghidap asma dan mempunyai tanggungan ibu bapa yang sudah berusia.

Mohd Asnawi sebagai manapun permohonan hukuman setimpal berikutan perbuatan tertuduh membabitkan penyamaran sebagai penjawat awam sekali gus mencemarkan imej Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Selain hukuman penjara, Asmadi turut memerintahkan kedua-dua tertuduh masing-masing membayar denda RM95,000 dan RM25,000 bagi semua pertuduhan itu.

"Jika gagal membayarnya, mereka dikenakan penjara tambahan selama 15 bulan dan enam bulan. Selain itu, mereka dikenakan penalti tambahan RM5,000 dan RM4,000," katanya.

FAKTA

Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah atas 5 pertuduhan terima rasuah dengan menyamar anggota polis

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Fenomena *Supermoon* Isnin depan adalah yang paling dekat dengan Bumi

Peluang saksikan bulan penuh

PARIS – Bulan akan kelihatan lebih bercahaya dan jauh lebih besar daripada biasa dalam fenomena dikenali sebagai *Supermoon* atau bulan penuh yang dapat disaksikan pada Isnin ini.

Supermoon kali ini adalah yang paling dekat dengan Bumi sepanjang tempoh 68 tahun.

Beberapa ahli astronomi berkata, fenomena itu adalah paling menarik untuk dilihat sekitar pukul 9.52 malam (waktu Malaysia) dalam keadaan cuaca baik manakala bulan penuh berlaku sejurus selepas malam tiba di seluruh Asia.

Orang ramai berpeluang

melihat bulan dalam saiz luar biasa di kaki langit sejurus selepas matahari terbenam tanpa mengira lokasi mereka di Bumi dengan syarat tiada awan tebal atau pencemaran cahaya di langit.

Fenomena ini berlaku apabila bulan penuh berada di kedudukan atau menghampiri perigi. Perigi merujuk kepada titik orbit bulan yang paling dekat dengan Bumi.

"Pada 14 November ini, bulan penuh akan berlaku selama dua jam di kedudukan perigi, mengakibatkannya kelihatan lebih besar," kata Pentadbiran Aeronautik dan Agensi Angka-

sa Lepas Kebangsaan (NASA) di laman webnya.

Menurut NASA, jarak Bumi dan bulan pada waktu itu ialah 356,509 kilometer (km) iaitu paling hampir sejak 1948.

Purata jarak Bumi dengan bulan ialah 384,400km.

Pada Isnin depan, jarak dekat itu akan membuatkan bulan kelihatan 14 peratus lebih besar dan 30 peratus lebih cerah berbanding biasa, demikian menurut Persatuan Astronomi Ireland.

Fenomena serupa ini dijangka berlaku lagi pada 2034 apabila bulan 64km lebih hampir dengan Bumi. – AFP



AGENCI

GAMBAR fail bertarikh 28 September 2015 menunjukkan fenomena *Supermoon* di bukit Glastonbury Tor di Somerset, Britain.